# HUKUM *ḤADD* DAN *QIṢĀṢ* DALAM PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013:ANALISIS PEMAKAIAN PENDAPAT SELAIN MAZHAB SHAFI‘E

**HAJI DENNIE BIN HAJI ABDULLAH**
**15P0101**

**FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**
**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1441 H / 2020 M**

بسم الله الرحمن الرحيم

# HUKUM *ḤADD* DAN *QIṢĀṢ* DALAM PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013:ANALISIS PEMAKAIAN PENDAPAT SELAIN MAZHAB SHAFI‘E

**HAJI DENNIE BIN HAJI ABDULLAH**
**15P0101**

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH SYARIAH**

**Fakulti Syariah dan Undang-Undang**
**Universiti Islam Sultan Sharif Ali**
**Negara Brunei Darussalam**

**Zulkaedah 1441 / Jun 2020**

# PENYELIAAN

HUKUM *ḤADD* DAN *QIṢĀṢ* DALAM PERINTAH KANUN HUKUMAN
JENAYAH SYARIAH, 2013:ANALISIS
PEMAKAIAN PENDAPAT SELAIN
MAZHAB SHAFIʻE

**HAJI DENNIE BIN HAJI ABDULLAH**
**15P0101**

**Penyelia:** Profesor Madya Dr Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi

**Tandatangan:**_______________________________________ **Tarikh:**____________

**Dekan Fakulti:** Dr Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin

**Tandatangan:**_______________________________________ **Tarikh:**____________

# PENGAKUAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Saya akui kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan tiap-tiap satunya yang telah saya jelaskan sumbernya.

| | |
|---|---|
| Tandatangan | : |
| Nama | : Haji Dennie bin Haji Abdullah |
| Nombor pendaftaran | : 15P0101 |
| Tarikh penyerahan | : Zulkaedah 1441 / Jun 2020 |

# PENGISTIHARAN HAK CIPTA DAN PENGESAHAN PENGGUNAAN PENYELIDIKAN YANG TIDAK DITERBITKAN

Hak cipta © 2020 oleh Haji Dennie bin Haji Abdullah. Semua hak cipta terpelihara.

**HUKUM *ḤADD* DAN *QIṢĀṢ* DALAM PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013: ANALISIS PEMAKAIAN PENDAPAT SELAIN MAZHAB SHAFI'E**

Tidak ada sebahagian daripada penyelidikan yang tidak diterbitkan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah:

1. Sebarang bahan yang terkandung di dalam atau yang diperolehi daripada penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam penulisan mereka dengan pengakuan sewajarnya.

2. UNISSA atau perpustakaannya mempunyai hak untuk membuat dan menghantar salinan (cetak dan elektronik) bagi tujuan institusi dan akademik.

3. Perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam system dapatan dan membekalkan salinan kajian yang tidak diterbitkan ini jika diminta oleh universiti lain dan perpustakaan penyelidikan.

Disahkan oleh Haji Dennie bin Haji Abdullah.

| | |
|---|---|
| ………………………..…………………...……. | Zulkaedah 1441 / Julai 2020 |
| Tandatangan: | Tarikh: |

# PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Segala puji-pujian bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallallāhu ʻalaihi wasallam*, ahli keluarga, para sahabat dan pengikut baginda sekalian. *al-Ḥamdulillāh* syukur ke hadrat Allah *subḥānahu wa Taʻālā* kerana di atas segala limpah kurnia rahmat dan hidayat-Nya jua, tesis ini telah dapat diselesaikan.

Dalam kesempatan ini, pertama sekali penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih khas kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri kerana membenarkan dan menanggung perbelanjaan pengajian penulis.

Tidak lupa juga penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang telah memberi peluang kepada penulis untuk mengikuti pengajian Doktor Falsafah Shariah. Penghargaan dan terima kasih yang sama juga kepada penyelia yang mulia Profesor Madya Dr Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi di atas segala nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan di sepanjang tempoh pengajian.

Penghargaan yang sama juga ditujukan kepada pihak-pihak dan individu-individu yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung dalam memberikan apa jua bentuk pertolongan dan bantuan bagi kejayaan penulis. Semoga Allah sahaja akan memberi ganjaran kepada mereka di dunia dan di akhirat.

Akhirnya penghargaan yang istimewa penulis tujukan kepada kedua ibu bapa, kedua ibu bapa isteri, isteri dan anak-anak serta kepada ahli-ahli keluarga penulis yang telah banyak mencurahkan doa restu, dorongan dan semangat untuk penulis mencapai kejayaan.

# ABSTRAK

## HUKUM *ḤADD* DAN *QIṢĀṢ* DALAM PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013: ANALISIS PEMAKAIAN PENDAPAT SELAIN MAZHAB SHAFI‘E

Negara Brunei Darussalam pernah menguatkuasakan undang-undang hukuman *ḥadd* dan *qiṣāṣ* yang sepenuhnya berdasarkan pendapat Mazhab Shafi‘e di dalam undang-undang bertulisnya yang pertama yang dikenali sebagai Hukum Kanun Brunei. Mazhab Shafi‘e merupakan mazhab fikah yang menjadi pegangan rasmi dalam amalan beragama dan sandaran utama dalam penggubalan undang-undang Islam serta pengeluaran fatwa di Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2013, hukuman *ḥadd* dan *qiṣāṣ* diperkenalkan semula melalui Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. Walau bagaimanapun tidak diketahui sejauh manakah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 menerima pakai pendapat selain Mazhab Shafi‘e di dalam peruntukan *ḥadd* dan *qiṣāṣ*nya. Mengenal pasti pendapat mazhab yang diterima pakai oleh peruntukan-peruntukan yang berkaitan adalah penting terutama dalam menghuraikan dan menjelaskan tafsiran yang terperinci terhadap peruntukan-peruntukan yang bersifat umum sesuai dengan pendapat mazhab yang diterima pakai di dalam peruntukan yang berkenaan, lebih-lebih lagi apabila pendapat mazhab yang diterima pakai merupakan pendapat yang hanya khusus dipegang oleh satu mazhab yang tertentu sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 menerima pakai pendapat selain Mazhab Shafi‘e di dalam peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan hukuman *ḥadd* dan *qiṣāṣ*. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan penyelidikan perpustakaan. Manakala proses penganalisisan data dijalankan menerusi kaedah analisis teks dengan menggunakan metode induktif. Metode induktif digunakan untuk meneliti peruntukan-peruntukan *ḥadd* dan *qiṣāṣ* yang berkaitan dan juga pendapat-pendapat mazhab yang empat bagi mengenal pasti dan menyimpulkan pendapat mazhab yang diterima pakai di dalam peruntukan-peruntukan yang berkenaan. Kajian mendapati bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 menerima pakai pendapat selain pendapat Mazhab Shafi‘e di dalam peruntukan *ḥadd* dan *qiṣāṣ* yang meliputi pemakaian pendapat Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali. Bahkan lebih jauh daripada itu, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 juga menerima pakai pendapat selain mazhab yang empat di dalam peruntukan *ḥadd* dan *qiṣāṣ*. Daripada sejumlah seratus tiga puluh satu bab dalam peruntukan *ḥadd* dan *qiṣāṣ*, lapan belas bab daripadanya dikenal pasti menerima pakai pendapat selain Mazhab Shafi‘e di dalam dua puluh tiga ketetapan. Empat belas bab dalam dua belas ketetapan menerima pakai pendapat Mazhab Hanafi, empat bab dalam tiga ketetapan menerima pakai pendapat Mazhab Maliki, tiga bab dalam tiga ketetapan menerima pakai pendapat Mazhab Hanbali dan sepuluh bab dalam sembilan ketetapan pula menerima pakai pendapat selain mazhab yang empat. Kajian juga menyimpulkan bahawa pada amnya pemakaian pendapat selain Mazhab Shafi‘e dalam peruntukan-peruntukan berkenaan adalah bagi memenuhi tuntutan semasa di atas dasar memelihara kepentingan umum. Walau bagaimanapun kajian memberikan beberapa cadangan bagi penelitian semula terhadap beberapa peruntukan bagi tujuan untuk menambah baik Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

# ABSTRACT


## *ḤADD* (PRESCRIBED) AND *QIṢĀṢ* (RETALIATION) PUNISHMENTS IN SYARIAH PENAL CODE ORDER, 2013: ANALYSIS OF THE ADOPTION OF OPINIONS OF OTHER THAN THE SHAFI'ITE SCHOOL

Brunei Darussalam had enacted the *ḥadd* (prescribed) and *qiṣāṣ* (retaliation) punishments, which were completely based on the Shafiʿite school in its first written law known as the Hukum Kanun Brunei. The Shafiʿite school was the official jurisprudential school referred to in the execution of religious practices and the main source of reference in the drafting of Islamic laws and the issuing of legal opinions in Brunei Darussalam. In 2013, the *ḥadd* and *qiṣāṣ* punishments were reintroduced in the Syariah Penal Code Order, 2013. However, the extent to which the Syariah Penal Code Order, 2013 has adopted the opinions of other than the Shafiʿite school in its *ḥadd* and *qiṣāṣ* provisions remains unknown. Identifying the opinions of the schools that have been adopted by the relevant provisions is crucial, especially when interpreting and expounding detailed interpretations of general provisions in accordance with the opinions of the schools that have been adopted in the said provisions, particularly when these adopted opinions are only held by one specific school. Hence this study aims to identify the extent to which the Syariah Penal Code Order, 2013 has adopted opinions other than those of the Shafiʿite school, in its provisions pertaining to the *ḥadd* and *qiṣāṣ* punishments. This is a qualitative study employing the library research approach while data analysis was performed using the inductive method through textual analysis. The inductive method was used to examine related *ḥadd* and *qiṣāṣ* provisions and also the opinions of the four schools of jurisprudence to identify and to draw conclusions as to which schools' opinions were adopted in the said provisions. The study has found that the Syariah Penal Code Order, 2013 has adopted opinions other than that of the Shafiʿite school in its *ḥadd* and *qiṣāṣ* punishment provisions, which include the adoption of opinions from the Hanafite, Malikite and Hanbalite schools. In fact, the Syariah Penal Code Order, 2013 has gone even further and adopted the opinions of other than the four schools in its *ḥadd* and *qiṣāṣ* punishment provisions. Out of a total of one hundred and thirty-one sections in the *ḥadd* and *qiṣāṣ* punishment provisions, eighteen have been identified as having adopted the opinions of other than the Shafiʿite school in twenty-three resolutions. Fourteen sections have adopted the opinions of the Hanafite school in twelve resolutions, four sections have adopted the opinions of the Malikite school in three resolutions, three sections have adopted the opinions of the Hanbalite school in three resolutions and ten sections have adopted the opinions of other than the four schools in nine resolutions. The study also concludes that generally, the adoption of the opinions of other than the Shafiʿite school in such provisions is to accommodate the current situation on the basis of safeguarding and preserving public interest. Nevertheless the study makes several recommendations on reviewing some of the provisions in order to improve the Syariah Penal Code Order, 2013.

# ملخص البحث


الحد والقصاص في نظام قانون العقوبات الشرعية، 2013: تحليل الاعتماد على الرأي غير المذهب الشافعي

كان بروناي دارالسلام قد سن قانون عقوبة الحد والقصاص التي يعتمد كليا على المذهب الشافعي في أول دستوره المدون المعروف باسم قانون أحكام بروناي. وكان المذهب الشافعي هو المذهب الفقهي السائد في ممارسة شعائر الدينية والمصدر الرئيسي في صياغة القانون الإسلامي وإصدار الفتوى في بروناي دارالسلام. وفي عام 2013، قد أعيد تطبيق عقوبة الحد والقصاص في نظام قانون العقوبات الشرعية، 2013. ولكن لا تزال غير معروفة مدى اعتماد نظام قانون العقوبات الشرعية، 2013 على أراء غير المذهب الشافعي في نصوصه المتعلقة بأحكام الحد والقصاص. إن تحديد أراء المذاهب المعتمدة التي يعتمده القانون أمر بالغ الأهمية ولا سيما عندما تفسير وشرح القانون العام تفسيرا مفصلا وشرحا واسعا وفقا على مبادئ المذاهب المعتمدة يعتمده القانون خاصة إذا كان رأي المذهب المعتمد عليه القانون هو الرأي الوحيد الذي ذهب إليه المذهب المعين. ففي هذا الصدد، تهدف هذه الدراسة تحديد مدى اعتماد نظام قانون العقوبات الشرعية، 2013 أراء غير المذهب الشافعي فيما يتعلق بأحكام الحد والقصاص. وهذه الدراسة دراسة نوعية على نهج البحث في المكتبة. وتحليل البيانات أجري عن طريق تحليل نصوص على أسلوب استقرائي. وقد استعمل أسلوب استقرائي لتفحص نصوص قانون الحد والقصاص المعنية وأراء المذاهب الأربعة لتحديد واستخلاص استنتاج الرأي المذهب المعتمد عليه القانون. وتوصلت الدراسة بأن نظام قانون العقوبات الشرعية، 2013 قد اعتمد على أراء غير المذهب الشافعي في نصوصه المتعلقة بأحكام الحد والقصاص التي تشتمل على أراء المذهب الحنفي والمالكي والحنبلي. وبالفعل أن نظام قانون العقوبات الشرعية، 2013 قد ذهب إلى أبعد مدى في هذا الشأن بالاعتماد على الرأي غير المذاهب الأربعة. ومن بين مجموع مائة وواحد وثلاثين عدد فقرة التي تتعلق بأحكام الحد والقصاص، اعتمدت ثمانية عشر فقرة منها على أراء غير المذهب الشافعي في ثلاث وعشرين قرارا. اعتمدت أربعة عشر فقرة في اثني عشر قرارا على آراء المذهب الحنفي، واعتمد أربع فقرات في ثلاث قرارات على أراء المذهب المالكي، واعتمد ثلاث فقرات في ثلاث قرارات على أراء المذهب الحنبلي، واعتمد عشر فقرة في تسع قرارات على أراء غير المذاهب الأربعة. واستنتجت الدراسة عموما بأن اعتماد القوانين المعينة على الرأي غير المذهب الشافعي لمراعاة الأوضاع الحالية على أساس محافظة المصلحة العامة. ولكن بالرغم من ذلك تقترح الدراسة بإعادة النظر بعض الفقرات المعينة من أجل تحسين نظام قانون العقوبات الشرعية، 2013.

# ISI KANDUNGAN

**DAFTAR ISI** **HALAMAN**


| | | |
|---|---|---|
| Penyeliaan | | ii |
| Deklarasi | | iii |
| Hak Cipta | | Iv |
| Penghargaan | | v |
| Abstrak | | vi |
| Abstract | | vii |
| ملخص البحث | | viii |
| Isi Kandungan | | Ix |
| Transliterasi | | xii |
| Senarai Singkatan | | xvi |
| **BAB 1** | **PENDAHULUAN** | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 | Permasalahan Kajian | 3 |
| 1.4 | Persoalan Kajian | 3 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 4 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 4 |
| 1.7 | Skop Kajian | 5 |
| 1.8 | Metodologi Kajian | 5 |
| | 1.8.1 Jenis kajian | 5 |
| | 1.8.2 Tatacara pengumpulan data | 6 |
| | 1.8.3 Tatacara penganalisisan data | 7 |
| 1.9 | Ulasan Kepustakaan | 7 |
| 1.10 | Kesimpulan | 11 |
| **BAB 2** | **UNDANG-UNDANG ISLAM (JENAYAH *ḤUDŪD* DAN *QIṢĀṢ*) DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** | |
| 2.1 | Pengenalan | 12 |
| 2.2 | Hukum Kanun Brunei | 15 |
| | 2.2.1 Zaman kewujudan Hukum Kanun Brunei | 17 |
| | 2.2.2 Peruntukan Hukum Kanun Brunei mengenai *Ḥadd* dan *Qiṣāṣ* | 20 |
| | 2.2.3 Jenayah *ḥadd* dan *qiṣāṣ* yang tiada diperuntukkan dalam Hukum Kanun Brunei | 61 |
| 2.3 | Pemansuhan Hukum Kanun Brunei | 69 |
| 2.4 | Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 | 74 |
| | 2.4.1 Latar belakang sejarah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 | 77 |
| | 2.4.2 Kandungan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 | 106 |
| | 2.4.3 Pewartaan dan penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 | 109 |

2.4.4 Peruntukan *ḥadd* dan *qiṣāṣ* dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 — 111
2.4.4.1 *Sariqah* — 111
2.4.4.2 *Hirabah* — 112
2.4.4.3 *Zina* — 112
2.4.4.3.1 *Zina bil-jabar* — 112
2.4.4.3.2 *Liwat* — 113
2.4.4.3.3 Kesalahan yang berkaitan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat* — 113
2.4.4.4 *Qazaf* — 114
2.4.4.5 Minuman yang memabukkan — 114
2.4.4.6 *Irtidad* — 114
2.4.4.7 *Qatl* dan Kecederaan — 115
2.4.4.7.1 *Qatlul-'amd* — 116
2.4.4.7.2 *Qatlu syibhil-'amd* — 116
2.4.4.7.3 *Qatlul khata'* — 117
2.4.4.7.4 *Qatl* dengan sihir — 117
2.4.4.7.5 *Qatl* dengan racun — 117
2.4.4.7.6 *Qatl* dengan pengguguran janin — 118
2.4.4.7.7 Bunuh diri — 118
2.4.4.8 Kecederaan — 118
2.5 Kesimpulan — 119

**BAB 3 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG MEMAKAI PENDAPAT SELAIN MAZHAB SHAFI 'E DALAM KESALAHAN *ḤADD***
3.1 Pengenalan — 122
3.2 *Sariqah* — 126
3.2.1 Kadar *niṣāb* bagi *sariqah* — 126
3.2.2 Hukuman *sariqah* bagi kesalahan pertama, kedua, ketiga dan berikutnya — 134
3.2.3 Kesalahan *sariqah* yang tidak boleh dikenakan hukuman *ḥadd* (perenggan e) — 140
3.2.4 Kesalahan *sariqah* yang tidak boleh dikenakan hukuman *ḥadd* (perenggan g) — 148
3.2.5 Kesalahan *sariqah* yang tidak boleh dikenakan hukuman *ḥadd* (perenggan k) — 159
3.2.6 Kesalahan *sariqah* yang tidak boleh dikenakan hukuman *ḥadd* (perenggan p) — 167
3.3 *Ḥirābah* — 180
3.4 Kesimpulan — 189

**BAB 4 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG MEMAKAI PENDAPAT SELAIN MAZHAB SHAFI 'E DALAM KESALAHAN *QIṢĀṢ* (BUNUH DAN KECEDERAAN)**
4.1 Pengenalan — 193

| | | |
|---|---|---|
| 4.2 | Jenis *diyah* | 194 |
| 4.3 | Hukuman *qiṣāṣ* dalam kesalahan *qatl al-‘amd* di antara yang beragama Islam dengan yang tidak beragama Islam | 199 |
| 4.4 | Hukuman orang bukan *mukallaf* yang melakukan *qatl al-‘amd* dan ibu atau bapa yang melakukan *qatl al-‘amd* terhadap anak sendiri | 208 |
| 4.5 | *Qatl al-‘amd* disebabkan *ikrāh* | 214 |
| 4.6 | Hukuman mati sebagai *qiṣāṣ* ke atas pemberi upah melakukan *qatl* | 223 |
| 4.7 | Hak wali kepada *waliyy al-damm* yang bukan *mukallaf* untuk menuntut *qiṣāṣ* dalam *qatl al-‘amd* dan memberi kemaafan berkaitan dengan *qatl al-‘amd* | 227 |
| 4.8 | Kadar *diyah qatl* mangsa perempuan dan mangsa bukan Islam | 236 |
| 4.9 | Tanggungjawab membayar *diyah* dalam jenayah *qatl shibh al-‘amd* | 246 |
| 4.10 | Tanggungjawab membayar *diyah* dalam jenayah *qatl al-khaṭā’* | 250 |
| 4.11 | Tanggungjawab membayar *diyah* dalam jenayah *qatl* dengan pengguguran janin | 255 |
| 4.12 | Pembahagian jenayah yang menyebabkan kecederaan | 260 |
| 4.13 | Hukuman *qiṣāṣ* kerana menyebabkan kecederaan di antara yang beragama Islam dengan yang tidak beragama Islam | 264 |
| 4.14 | Kadar *diyah* atau *arsh* kecederaan mangsa perempuan dan mangsa bukan Islam | 270 |
| 4.15 | Tanggungjawab membayar *diyah* atau *arsh* dalam jenayah kecederaan kerana perbuatan gopoh, cuai atau tersilap | 277 |
| 4.16 | Kesimpulan | 282 |
| **BAB 5** | **PENUTUP** | |
| 5.1 | Rumusan | 286 |
| | 5.1.1 Peruntukan yang menerima pakai pendapat Mazhab Hanafi | 288 |
| | 5.1.2 Peruntukan yang menerima pakai pendapat Mazhab Maliki | 290 |
| | 5.1.3 Peruntukan yang menerima pakai pendapat Mazhab Hanbali | 291 |
| | 5.1.4 Peruntukan yang menerima pakai pendapat selain mazhab yang empat | 291 |
| | 5.1.5 Faedah dan kepentingan mengenal pasti pendapat mazhab yang diterima pakai dan pemakaian pendapat yang di luar jangkaan kajian | 293 |
| 5.2 | Cadangan | 294 |
| 5.3 | Cadangan kajian lanjutan | 298 |
| **RUJUKAN** | | 299 |

# TRANSLITERASI

**Jadual Transliterasi**

| Huruf Arab | Huruf Latin | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ء | ’ | فقهاء | Fuqah□**’** |
| ب | B | البخاري | al-**B**ukhar□ |
| ت | T | الترمذي | al-**T**irmidh□ |
| ث | th | الحارث | al-***Ḥ***□ri**th** |
| ج | J | الجرجاني | al-**J**urj□n□ |
| ح | ***Ḥ*** | حبان | **Ḥ**ibb□n |
| خ | Kh | خلدون | **Kh**ald□n |
| د | D | الدارقطني | al-**D**□ruqu□h□ |
| ذ | Dh | الذهبي | al-**Dh**ahab□ |
| ر | R | الرافعي | al-**R**□fi‘□ |
| ز | Z | الزبير | al-**Z**ubayr |
| س | s | السرخسي | al-Sarakh**s**□ |
| ش | Sh | الشافعي | al-**Sh**□fi‘□ |
| ص | ***Ṣ*** | الصابوني | al-**S**□b□n□ |
| ض | □ | ضابط | **Ḍ**□bi□ |
| ط | □ | الطبري | al-**Ṭ**abar□ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| ظ | □ | ظاهر | **Ẓ**□hir |
| ع | ʻ | العبادي | al-**ʻ**Abb□d□ |
| غ | Gh | الغزالي | al-**Gh**az□l□ |
| ف | F | الفارسي | al-**F**□ris□ |
| ق | Q | القاسم | al-**Q**□sim |
| ك | K | الكرخي | al-**K**arkh□ |
| ل | L | لقمان | **L**uqm□n |
| م | M | مالك | **M**□lik |
| ن | N | ناصر | **N**□sir |
| هـ/ ة | H | هارون / أسامة | **H**□r□n / Us□ma**h** |
| و | W | الوليد | al-**W**al□d |
| ي | Y | يحيى | **Y**a□y□ |

**Vokal Pendek**

| Huruf Arab | Huruf Latin | Asal | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ـَـ | a | كتبَ | kutib**a** |
| ـِـ | i | علِم | ʻal**i**ma |
| ـُـ | u | غُلب | gh**u**liba |

**Vokal Panjang**

| Huruf Arab | Huruf Latin | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ـــ ى ، ا | □ | كبرى / بَاب | b**ā**b / kubr**ā** |
| ـِـ ي | □ | وكِيل | wak**ī**l |
| ـُـ و | □ | علُوم | ‘ul**ū**m |

**Diftog**

| Huruf Arab | Huruf Latin | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ـَـ و | aw | قَوْل | q**a**wl |
| ـَـ ي | ay | لَيْل | l**a**yl |
| يّ | iyy | شافعِيّة | Shafi‘**iyy**ah |
| وّ | uww | قُوّة | q**uww**ah |

**Perkecualian**

a. Huruf Arab (ء) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada huruf (a) bukan kepada (’). Contoh: أكبر ditransliterasi kepada: akbar (bukan ’kbar).

b. Huruf Arab (ة) pada perkataan tanpa (ال) yang bersambung dengan perkataan lain yang mengandungi (ال) di hadapannya ditransliterasikan kepada (t) bukan (h). Contoh: مكتبة الإمام ditransliterasikan kepada: Maktabat al-Im□m (bukan Maktabah al-Im□m).

c. Jika huruf Arab (ة) terdapat pada perkataan yang ada (ال) pada perkataan tunggal atau pada perkataan di dalam satu ayat, maka ia ditransliterasikan kepada huruf (h) bukan (t). Contohnya:

| | |
|---|---|
| المكتبة الأهلية | ditransliterasikan kepada: al-Maktabah al-Ahliyyah (bukan al-Maktabat al-Ahliyyah) |
| قلعة | ditransliterasikan kepada: qalʿah (bukan qalʿat) |
| دار وهبة | ditransliterasikan kepada: D□r Wahbah (bukan D□r Wahbat) |

d. Perkataan Arab yang merujuk kepada sesebuah negara atau tempat dikecualikan dari transliterasi. Contoh: (بروناي) ditransliterasi kepada Brunei (bukan Bar□nay)

# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| bil. | Bilangan |
| BMJ | Brunei Museum Journal |
| DPSS | Dato Paduka Seri Setia |
| DSU | Dato Seri Utama |
| Dr. | Doktor |
| ed. | Editor |
| gov. | Government |
| H | Hijriah |
| hlm. | Halaman |
| HKB | Hukum Kanun Brunei |
| HKM | Hukum Kanun Melaka |
| HKP | Hukum Kanun Pahang |
| http. | hypertext mark-up protocol |
| html. | hypertext mark-up language |
| *ibid.* | *ion beam induced deposition* |
| JMBRAS | Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society |
| jld. | jilid |
| jzk. | Juzuk |
| M | Masihi |
| no. | nombor |
| *Op. cit.* | *opus citatum est* |
| POKAD | Pehin Orang Kaya Amar Diraja |
| PKHJS | Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 |
| pnys. | Penyusun |
| PTI | Pehin Tuan Imam |
| Prof. | Profesor |
| SPCO | Syariah Penal Code Order |
| T.M | Tahun Masihi |
| t.pt. | tanpa penerbit |
| t.th. | tanpa tarikh |
| t.tp. | tanpa tempat |
| U | Ustaz |
| UNCAT | United Nation Convention Against Torture |
| v. | Volume |
| www. | World wide web |

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Mazhab Shafi‘e merupakan mazhab fikah yang menjadi pegangan rasmi dan yang diterima pakai menjadi amalan beragama di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa:

> “Ugama Islam” bermakna Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi‘ee.[1]

Mazhab Shafi‘e juga merupakan sandaran utama dalam penggubalan undang-undang Islam dan membuat serta memberi mana-mana fatwa di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini juga dinyatakan dengan jelas di dalam Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi dalam Bab 43 (1):

> Dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa dengan cara yang ditetapkan terdahulu sebelum ini, Majlis dan Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah biasanya menurut kaul yang muktamad daripada Mazhab Shafi‘e.[2]

Berdasarkan kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa Mazhab Shafi‘e menjadi dominan dan rujukan utama dalam amalan beragama dan pengambilan hukum syarak di Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun timbul persoalan adakah pendapat selain Mazhab Shafi‘e tidak diterima pakai dalam amalan beragama dan

[1]*Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam*. (2004). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. hlm. 40.
[2]Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. (1984 Terbitan Semakan). *Penggal 77, Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi*. Bab 43 (1).

pengambilan hukum syarak di Negara Brunei Darussalam? Dalam konteks undang-undang yang diperuntukkan di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS), adakah pendapat selain Mazhab Shafi‘e seperti Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali diterima pakai dalam PKHJS terutama di dalam peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan *ḥadd* dan *qiṣāṣ*? Apakah peruntukan-peruntukan *ḥadd* dan *qiṣāṣ* dalam PKHJS yang mengguna pakai pendapat selain Mazhab Shafi‘e? Pendapat mazhab manakah yang diterima pakai dalam peruntukan-peruntukan tersebut?

Persoalan-persoalan tersebut merupakan perkara yang dianalisa dalam kajian ini yang bertajuk “Hukuman *Ḥadd* dan *Qiṣāṣ* Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013: Analisis Pemakaian Pendapat Selain Mazhab Shafi‘e”.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pemilihan tajuk “Hukuman *Ḥadd* dan *Qiṣāṣ* Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013: Analisis Pemakaian Pendapat Selain Mazhab Shafi‘e” adalah berdasarkan PKHJS yang merupakan suatu teks undang-undang mengenai *ḥadd* dan *qiṣāṣ* yang baharu saja diwartakan dan dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam.

PKHJS telah diwartakan pada 22 Oktober 2013 dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke 67. Penguatkuasaan PKHJS pula dilakukan secara berperingkat-peringkat dalam tiga fasa. Fasa pertama PKHJS telah dikuatkkuasakan pada 1 Mei 2014. Manakala fasa kedua dan fasa ketiga dikuatkuasakan pada 3 April 2019. Maka dengan sifatnya yang baharu sahaja diwartakan pada tahun 2013 dan penguatkuasaan fasa pertama pada 1 Mei 2014 dan penguatkuasaan fasa kedua dan fasa ketiga pada 3 April 2019, maka setentunyalah kajian yang berkaitan dengannya terutama dari sudut analisis pemakaian pendapat selain Mazhab Shafi‘e di dalam peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan *ḥadd* dan *qiṣāṣ* masih terhad. Bahkan menurut pembacaan, belum ada tajuk kajian yang seumpamanya setakat ini.

## 1.3 Permasalahan Kajian

Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang meletakkan dengan jelas bahawa amalan beragama menurut Mazhab Shafi‘e, setentunya pada dasarnya dalam hal ehwal keagamaan pemakaian pendapat Mazhab Shafi‘e adalah menjadi keutamaan hatta dalam penggubalan undang-undang dan tidak terkecuali dalam penggubalan PKHJS. Walau bagaimanapun, apakah kedudukan tersebut menafikan pemakaian pendapat selain Mazhab Shafi‘e diterima pakai di dalam PKHJS?

Permasalahan yang ditimbulkan ialah sejauh manakah pendapat selain Mazhab Shafi‘e diterima pakai oleh PKHJS dalam peruntukan *ḥadd* dan *qiṣāṣ*?

Maka sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peruntukan-peruntukan *ḥadd dan qiṣāṣ* dalam PKHJS yang memakai pendapat selain Mazhab Shafi‘e dan mengenal pasti pendapat mazhab manakah yang diterima pakai dengan merujuk, membandingkan dan menganalisis pendapat-pendapat ulama mengenainya melalui kitab-kitab muktabar daripada mazhab yang empat.

## 1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang diutarakan ialah:

a) Bagaimanakah perkembangan dan latar belakang sejarah hukuman jenayah syariah mengenai *ḥadd* dan *qiṣāṣ* di Negara Brunei Darussalam terutama PKHJS?

b) Sejauh manakah peruntukan PKHJS yang menerima pakai pendapat selain Mazhab Shafi‘e dalam kesalahan *ḥadd*?

c) Sejauh manakah peruntukan PKHJS yang menerima pakai pendapat selain Mazhab Shafi‘e dalam kesalahan *qiṣāṣ*?

## 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah bertujuan:

a) Menerangkan perkembangan hukuman jenayah syariah mengenai *ḥadd* dan *qiṣāṣ* di Negara Brunei Darussalam dan latar belakang sejarah PKHJS.

b) Menganalisa peruntukan-peruntukan PKHJS yang menerima pakai pendapat selain Mazhab Shafiʻe dalam kesalahan *ḥadd*.

c) Menganalisa peruntukan-peruntukan PKHJS yang menerima pakai pendapat selain Mazhab Shafiʻe dalam kesalahan *qiṣāṣ*.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai "Hukuman *Ḥadd* dan *Qiṣāṣ* Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013: Analisis Pemakaian Pendapat Selain Mazhab Shafiʻe" adalah penting bagi melihat dan mengenal pasti perbezaan pandangan dan pendapat mazhab yang empat dalam perkara yang berkaitan dengan *ḥadd* dan *qiṣāṣ*. Mengenal pasti pendapat mazhab yang diterima pakai oleh peruntukan-peruntukan yang berkaitan adalah penting terutama apabila penghuraian dan penjelasan yang terperinci bagi peruntukan-peruntukan yang bersifat umum menurut pendapat mazhab yang diterima pakai diperlukan, lebih-lebih lagi apabila pendapat mazhab yang diterima pakai merupakan pendapat yang hanya khusus dipegang oleh mazhab yang tertentu itu sahaja. Oleh yang demikian, terdapat empat sumbangan utama kajian ini, iaitu:

a) Memperlihatkan kekayaan dan kepelbagaian pendapat khazanah fikah Islam serta kepentingan disiplin ilmu fikah perbandingan.

b) Memberi pandangan dan cadangan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam menilai kembali jika perlu, peruntukan-peruntukan yang ada di dalam PKHJS 2013, khususnya yang berkaitan dengan *ḥadd* dan *qiṣāṣ*.

c) Memberikan saranan dan cadangan atau pendekatan yang boleh diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam menambah baik PKHJS.

d) Memperkasa dan menyokong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam melaksana dan menguat kuasakan PKHJS.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian hanya terbatas kepada peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan *ḥadd* dan *qiṣāṣ* dalam PKHJS. Fokusnya ialah peruntukan-peruntukan yang mengguna pakai pendapat selain Mazhab Shafi‘e yang pada prinsipnya berbeza dengan pendapat atau *qaul mu‘tamad* dalam Mazhab Shafi‘e, sama ada peruntukan-peruntukan itu mengguna pakai pendapat Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Hanbali atau pun pendapat selain mazhab yang empat. Analisis pendapat selain Mazhab Shafi‘e pula dilakukan dengan merujuk, menganalisa dan membandingkan semua pendapat mazhab yang empat termasuk pendapat Mazhab Shafi‘e dengan mengutamakan membawa nas-nas para ulama daripada kitab-kitab fikah yang utama dan muktabar di dalam mazhab bagi mempastikan pendirian yang diambil oleh setiap mazhab mengenainya. Adapun sandaran atau dalil-dalil pandangan mazhab serta pilihan pendapat yang bersesuaian tidak menjadi keutamaan dan hanya dinyatakan sebagai menerangkan asas pandangan mereka dan sebagai tambahan sahaja apabila dilihat ianya diperlukan.

## 1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian dihuraikan berdasarkan jenis kajian, tatacara pengumpulan data dan tatacara penganalisisan data.

### 1.8.1 Jenis Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan yang memerlukan pemahaman yang mendalam dan menyeluruh bagi menganalisa dan menghuraikan data yang diperolehi daripada sumber primer dan

sekundar demi mendapatkan maklumat yang relevan kepada isu dan persoalan yang dikaji. Data daripada sumber primer dan sekundar ialah teks-teks perundangan serta penulisan para ulama silam dan para sarjana kontemporari yang didapati dalam bentuk buku, artikel, makalah dan sebagainya. Maka oleh yang demikian, pendekatan kajian ini adalah menerusi kajian kepustakaan sepenuhnya. Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dan mengenal pasti pendapat yang menjadi pegangan setiap mazhab yang empat dalam persoalan yang dikaji.

### 1.8.2 Tatacara Pengumpulan Data

Penyelidikan ini menggunakan teknik pengumpulan data secara analisa kandungan. Analisa kandungan yang dibuat terbahagi kepada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekundar. Sumber primer yang digunakan adalah seperti berikut:

(i) al-Qur'an dan al-Hadis.

(ii) Kitab-kitab fikah yang utama dalam Mazhab Hanafi seperti "Mukhtaar al-Qudriyy", "Kanz al-Daq'iq", "Multaq al-Abhur", "al-Mabs", "Bad'i' al-*Ṣ*an'i' f Tartb al-Shar'i'", "al-Hidyah Shar Bidyah al-Mubtad", "Taby*h* al-Haq'iq Shar Kanz al-Daq'iq", "Fat al-Qad" dan lain-lain lagi.

(iii) Kitab-kitab fikah yang utama dalam Mazhab Maliki seperti "al-Mudawwanah al-Kubr" "al-Rislah f Fiqh al-Imm Mlik", "al-Muntaqa Shar al-Muwaa'", "al-Shar al-Kabr 'ala Mukhtaar al-Khal", "al-Muqaddimt al-Mumahhidt", "Bidyah al-Mujtahid wa Nihyah al-Muqtaid", "al-Qawnh al-Fiqhiyyah", "al-Tj wa al-Ikl li Mukhtaar Khal" dan lain-lain lagi.

(iv) Kitab-kitab fikah yang utama dalam Mazhab Shafi'e seperti "al-Umm", "al-***Ḥ***w al-Kab", "al-Bayn f Madhhab al-Imm al-Shfi'iyy", "al-Muhadhdhab", "al-Ghyah wa al-Taqrb", "al-Wajz f Fiqh al-Imm al-Shfi'iyy", "Raw***ḍ***ah al-lib", "Minhj al-libn wa 'Umdah al-Muftn" dan lain-lain lagi.

(v) Kitab-kitab fikah yang utama dalam Mazhab Hanbali seperti "Mukhta□ar al-Khiraqiyy", "al-Muqni' f□ Shar□ Mukhta□ar al-Khiraqiyy", "al-Mughn□", "Shar□ al-Zarkashiyy 'ala Mukhta□ar al-Khiraqiyy", "'Umdah al-Fiqh", "al-Muqni'", "al-K□f□", "al-In□□f f□ Ma'rifah al-R□ji□ min al-Khil□f", "Kashsh□f al-Qin□' an Matn al-Iqn□'" dan lain-lain lagi.

Manakala sumber sekundar yang digunakan pula adalah daripada buku-buku karangan ulama kontemporari seperti "al-Maws□'ah al-Fiqhiyyah", "al-Tashr□' al-Jin□'iyy al-Isl□miyy", al-Fiqh 'al□ al-Madh□hib al-Arba'ah", "al-Fiqh al-Isl□miyy wa Adillatuhu", "al-Mufa□□al f□ A□k□m al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim", Ni□□m al-Tajr□m wa al-'Iq□b f□ al-Isl□m" "al-Fiqh al-Jin□'□ f□ al-Isl□m" dan lain-lain.

1.8.3 Tatacara Penganalisisan Data

Kajian ini menggunakan kaedah penganalisisan data iaitu melalui analisis teks (*textual analysis*) untuk mendapatkan hasil dari permasalahan kajian dengan menggunakan metode induktif. Metode induktif digunakan untuk meneliti peruntukan-peruntukan *□add* dan *qi□□□* yang berkaitan dan juga pendapat-pendapat mazhab yang empat berhubung dengan peruntukan-peruntukan yang berkaitan bagi mengenal pasti dan merumus pendapat mazhab yang diterima pakai di dalam peruntukan-peruntukan yang berkenaan.

1.9 Ulasan Kepustakaan

Dalam kajian penulis ke perpustakaan, setakat ini penulis belum lagi menemukan sebarang kajian yang membincangkan tajuk ini secara khusus yang menganalisis pemakaian pendapat selain Mazhab Shafi'e dalam sesebuah undang-undang bertulis mengenai *□add* dan *qi□□□*, lebih-lebih lagi kajian yang khusus merujuk kepada Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang baru sahaja dikuatkuasakan sepenuhnya pada 3 April 2019.

Apa yang boleh dikaitkan dengan kajian ini ialah dari sudut pendekatan berhubung rasional pemilihan pandangan-pandangan mazhab fikah yang empat

(Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Shafi‘e dan Mazhab Hanbali) dalam penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam di negara-negara Islam.

